

**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

**SEMPENA**

**MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA RAKYAT  
SERTA  
PENGURNIAAN SUMBANGAN KEPADA GOLONGAN YANG MEMERLUKAN**

**DISEMPURNAKAN OLEH**

**KEBAWAH DULI YANG TERAMAT MULIA TENGGU MAHKOTA PAHANG,**

**BERTEMPAT DI MASJID KAMPUNG SRI HAMZAH,  
BERA, PAHANG**

**10 JUN 2016 (JUMAAT)  
WAKTU KETIBAAN :5.30 PETANG**

BISMILLAHHIRRAHMANIRRAHIM,  
ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH,

MENGADAP

KEBAWAH DULI YANG TERAMAT MULIA TENGGU MAHKOTA PAHANG,  
TENGGU ABDULLAH AL-HAJ IBNI SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH,

KEBAWAH DULI YANG TERAMAT MULIA TENGGU PUAN PAHANG,  
TUNKU HAJAH AZIZAH AMINAH MAIMUNAH ISKANDARIAH BINTI ALMARHUM ALMUTAWAKKIL  
ALALLAH SULTAN ISKANDAR AL-HAJ,

AMPUN TUANKU BERIBU-RIBU AMPUN, SEMBAH PATIK MOHON DIAMPUN,

Terlebih dahulu Patik mewakili warga penduduk Kampung Dato' Sri Hamzah merafak sembah menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas limpah perkenan Kebawah Duli- Duli Tuanku Bercemar Duli berangkat ke Majlis Berbuka Puasa Bersama Rakyat serta mengampuni perkenan mengurniakan sumbangan kepada golongan yang memerlukan.

Sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli-Duli Tuanku serta sokongan padu daripada Paduka-Paduka anakanda serta kerabat-kerabat Diraja ke majlis hari ini, amat besar ertinya kepada patik pacal-pacal sekalian dan sangat-sangat menyanjung tinggi juga menghargainya.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun,

Selanjutnya, patik mohon ampun limpah perkenan KeBawah Duli Yang Teramat Mulia Tuanku untuk mengalu-alukan tetamu yang hadir dalam majlis pada hari ini.

Ampun Tuanku,

## SALUTASI

1. Yang Mulia Kerabat-Kerabat
2. Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang
3. Yang Hormat Ahli-Ahli Jemaah Pangkuan Negeri
4. Yang Hormat Pegawai Daerah Bera
5. Yang Hormat Dato'-Dato' dan Yang Berbahagia Datin-Datin
6. Ahli-Ahli Yang Berhormat
7. YBhg. Ketua-Ketua Jabatan Negeri, Persekutuan dan Daerah
8. Pemimpin-pemimpin masyarakat

1. Alhamdulillah, pada hari yang mulia ini, patik memanjatkan rasa syukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan rahmat-Nya, dapat kita bersama-sama rakyat setempat di DUN Kemayan ini.

2. Ini adalah julung kalinya **Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tuanku** berangkat ke Kampung Dato' Sri Hamzah dengan membawa pengurniaan sumbangan kepada rakyat yang memerlukan terutama meringankan beban mereka menyediakan keperluan di bulan yang mulia ini.

Ampun Tuanku,

3. Sepertimana yang kita semua sedia maklum, Kampung Dato' Sri Hamzah ini dibuka pada tahun 1971 dan dirasmikan oleh Ahli Parlimen Temerloh Dato' Sri Hamzah Abu Samah pada tahun 1984. Kampung ini mempunyai 350 orang penduduk dengan 162 buah rumah, dikeluasan 330 ekar kawasan keseluruhan.

4. Penduduknya rata-rata melakukan pekerjaan berasaskan pertanian, perladangan dan perkilangan selain kerja-kerja kampung.

5. Kampung ini merupakan kampung tradisional yang terdapat di DUN Kemayan.  
AMPUN TUANKU BERIBU-RIBU AMPUN, SEMBAH PATIK HARAP DI AMPUN,  
DATUK-DATUK, DATIN-DATIN, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

6. Menjadi hasrat dan harapan Patik untuk sentiasa melibatkan penduduk dan rakyat sekitar dengan pelbagai program dibawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah supaya mereka juga sedia berdaya saing dan mampu meningkatkan ekonomi keluarga mereka.

7. Ia bersesuaian dengan Transformasi slogan Membandarkan Luar Bandar yang menjadi perjuangan KKLW untuk rakyat di luar bandar.

8. KKLW akan memberi tumpuan kepada pembangunan Prasarana Luar bandar, Pembangunan Belia Luar Bandar, Ekonomi, Keusahawanan, Modal Insan dan Sistem Penyampaian agar setiap usaha dilakukan sampai ke akar umbi.

9. Insyaallah, patik akan memastikan KKLW memberi tumpuan yang lebih kepada pembangunan luar bandar di kawasan ini dan juga negeri Pahang.

AMPUN TUANKU BERIBU-RIBU AMPUN, SEMBAH PATIK MOHON DI AMPUN,

Demikian lah ucapan patik

10. Akhir kalam, patik sekali lagi merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga Kebawah Duli-Duli Tuanku yang telah sudi berangkat hadir ke majlis pada hari ini. Selanjutnya patik berdoa semoga Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tuanku dikurniakan sihat walafiat, dilanjutkan usia, aman sentosa, dilimpahi nikmat dan murah rezeki, disamping Kebawah Duli Yang

Teramat Mulia, Tengku Puan Pahang serta Yang Mulia Paduka-Paduka Anakanda Putera dan Puteri.

Patik sudahi persembahkan ucapan ini dengan ucapan Wabillahi Taufik Walhidayah Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik harap diampun  
Menjunjung kasih Tuanku.